

11 AUG 2002
Cuepacs-Elaun/I
CUEPACS CADANG "ELAUN BUKU" BAGI KAKITANGAN AWAM

KUCHING, 11 Ogos (Bernama) -- Elaun buku khas patut diperkenalkan bagi menggalakkan kira-kira 800,000 kakitangan awam di negara ini membaca terutamanya buku-buku dalam bahasa Inggeris untuk meningkatkan lagi penguasaan mereka dalam bahasa itu.

Pengerusi Cuepacs Sarawak William Gani Bina berkata berikutan kos tinggi novel Inggeris kulit lembut yang antara RM50 dan RM100 senaskhah, tidak ramai kakitangan awam yang bersedia untuk membelanjakan wang untuk membeli buku-buku dalam bahasa Inggeris.

"Selagi ia tidak melibatkan beban kewangan yang teruk, kerajaan patut menimbangkan memperkenalkan elaun buku bagi kakitangan kerajaan secepat mungkin," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Katanya di bawah cadangan, kerajaan akan membayar balik harga mana-mana buku dalam bahasa Inggeris yang dibeli kakitangan awam dengan syarat ia disahkan oleh ketua jabatan berdasarkan resit pembelian dan buku berkenaan.

Beliau berkata berikutan penekanan terhadap bahasa Inggeris pada masa ini, cadangan itu bukan sahaja memanfaatkan kerajaan tetapi juga akan mempercepatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

"Pelajar yang ibu atau bapa mereka yang bekerja sebagai kakitangan awam boleh memperbaiki bahasa Inggeris mereka dengan membaca buku yang dibeli ibu bapa mereka," katanya.

Selain itu, William mahu kerajaan mengurangkan harga buku-buku dalam bahasa Inggeris di negara ini dan menyediakan insentif kepada mereka yang menterjemahkan buku-buku akademik Inggeris ke dalam bahasa Malaysia.

"Kami berharap apabila Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan belanjawan pada 20 Sept, beliau akan menyediakan penyelesaian terhadap masalah ini," katanya dan menurutnya pengecualian cukai masih tidak cukup untuk menggalakkan tabiat membaca.

Semalam Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman mencadangkan kakitangan awam membaca novel edisi berkulit lembut berikutan standard bahasa Inggeris yang lemah di kalangan mereka.

Samsudin berkata selaras dengan penekanan kerajaan untuk menguasai bahasa Inggeris, membaca sekurang-kurangnya sebuah buku atau novel dalam bahasa Inggeris oleh penulis terkemuka akan membantu menguasai bahasa itu.

-- BERNAMA
RDY RHM